

25 JUL 1999

Mahathir-sibuk

JADUAL YANG SIBUK UNTUK MAHATHIR DI LANGKAWI

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual yang sibuk di Langkawi sebagai tuan rumah kepada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang disertai oleh beberapa ketua negara dan ketua industri yang terkemuka di dunia.

Setibanya dari Kuala Lumpur semalam, Dr Mahathir diberikan taklimat berkaitan LID oleh pengerusi "Commonwealth Partnership for Technology Management" (CPTM) yang berpangkalan di United Kingdom dan pengerusi bersama Kumpulan Industri dan Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman.

CPTM dan MIGHT adalah penganjur bersama LID selama empat itu hari yang bermula hari ini.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dua hala dengan presiden Botswana Festus G. Mogae semalam sebelum menyertai tetamu kenamaan yang lain pada jamuan makan malam tidak rasmi di sini.

Di antara para pemimpin yang menyertai dialog itu ialah presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Raja Mswati III dari Swaziland, presiden Sudan Lt Gen Omar Hassan Ahmad, presiden Mozambique Jacquim Alberto Chissano dan presiden Namibian Dr Sam Nujoma.

Dialog tersebut yang bertemakan "Mengurus Pemulihan Ekonomi Untuk Kemakmuran Bersama -- Langkah Perkongsian Pintar" juga akan disertai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet.

Dr Mahathir pagi ini menyaksikan upacara menandatangani Memorandum Persefahaman (Mou) antara Golden Life Berhad dan Syarikat Emkay di tapak projek Pelabuhan Langkasuka.

Pada tengah hari, Dr Mahathir dijadualkan menganjurkan jamuan makan untuk peserta LID dan kemudiannya mempengerusikan sesi dialog tertutup yang pertama.

Ini akan diikuti oleh dialog antara ketua-ketua negara dan kerajaan dan media yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan dan pengerusi bersama LID '99 Tan Sri Abdul Halim Ali.

Pada sebelah malam semasa jamuan bankuet Perdana Menteri akan menyampaikan ucap utama beliau.

Esok Dr Mahathir akan menyertai beberapa sesi dialog, yang mana beliau akan berkongsi pengalaman Malaysia dalam menangani krisis kewangan, terutamanya langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan ekonomi negara.

Pada hari Selasa, Dr Mahathir dijadualkan untuk mempengerusikan sesi "LID '99 The Way Forward Into The Millennium" sebelum menghadiri jamuan makan malam acara penutup.

Perdana Menteri dijadualkan akan berlepas ke Kuala Lumpur selepas jamuan makan malam itu.

--BERNAMA

ES RI